INFO SUKAN

EDISI: JANUARI FEBRUARI 2021

03-9769 1351/1288 | www.i-sukan.upm.edu.my | Pusat Sukan UPM | Instagram/upmsports | Pusat Sukan UPM

PROGRAM PEMERKASAAN PELAJAR

Pusat Sukan dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UPM telah menganjurkan empat (4) siri program Pemerkasaan Pelajar secara atas talian dengan menampilkan panel-panel yang berpengalaman terdiri daripada staf UPM, atlet dan juga pegawai-pegawai sukan Universiti Awam. Antara segmen-segmen yang telah dianjurkan ialah seperti beri-

Bil.	Segmen	Tarikh	Panel
1.	Persediaan Atlet dan Pasukan	10 Januari 2021	En. Muhamad Malik Ahmad Tobias (Pegawai Sukan UPM) En. Namizan Mohamad (Timb. Pengarah Pusat Sukan UniMAP)
2.	Pengurusan Makanan dan Rawatan Kecederaan	17 Januari 2021	Dr. Mohd Khamizi Aziz (Pegawai Perubatan UPM) En. Mohammad Nazari Ismail (Jurupulih Perubatan Carakerja UPM) Sdr. Muhammad Azwan Zuwairi Mat zizi (Atlet Ragbi UPM/Kebangsaan)
3.	Psikologi Dalam Sukan	24 Januari 2021	Pn. Siti Fatimah Abd. Ghani (Pegawai Psikologi UPM) Sdr. Kannathasan Subramaniam (Atlet Olahraga Kebangsaan/UPM)
4.	Penganjuran Kejohanan	31 Januari 2021	En. Mohamad Razizi Hj. Midin (Pegawai Sukan UPM) En. Mohamad Faeez Mohamad Alias (Pengarah Pusat Sukan UPSI)

KEJOHANAN E-SPORT TERTUTUP UPM 2020/2021

Pusat Sukan dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UPM telah menganjurkan 4 kejohanan "E-Sports" bagi menyediakan medium kepada pelajar UPM untuk bersaing dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kejohanan ini telah diadakan bermula dari 9 hingga 27 Januari 2021 dengan melibatkan seramai 457 orang peserta daripada pelajar kolej di UPM. Berikut merupakan senarai pemenang yang telah berjaya dalam kejohanan tersebut:

Mobile Legends
Johan: KOSASS
Naib Johan: Kolej 13

League of Legends
Johan: KOSASS
Naib Johan: Kolej 10

PUBG
Johan: KTDI
Naib Johan: Kolej 10

Chess
Johan: KOSASS
Naib Johan: Kolej 13

SUMBANGAN PEMBINAAN MUSALLA@KOMPLEKS SUKAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Bersama kita merealisasikan pembinaan Musalla @Kompleks Sukan UPM. Berikut merupakan cara-cara untuk menyumbang ke tabung pembinaan Musalla @Kompleks Sukan UPM.

Kaedah untuk menyumbang:

1. Aplikasi "Boost": Projek Musalla @Kompleks Sukan UPM
2. Laman sesawang: http://wazan.upm.edu.my/mysadaqah-2995
3. Cimb Clicks: 8602-68-4995 *Butiran pembayaran: Musalla
4. Terus ke Kaunter Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat & Endowmen (WAZAN) UPM

Boost
Scan here to pay
Projek Musalla @ Kompleks Sukan Universiti Putra Malaysia

MUN YEE SUMBANG 10 TABLET KEPADA PELAJAR SUSAH

Leong Mun Yee, satu nama yang tidak asing lagi dalam arena sukan negara bagi acara Terjun yang kini dalam persiapan untuk menyertai Kejohanan Olimpik di Tokyo, Jepun pada tahun 2022.

Beliau merupakan atlet negara yang terawal mengesahkan slot ke temasya kejohanan sukan terbesar dunia tersebut. Selain itu, beliau juga merupakan atlet negara yang mewakili Malaysia 5 kali berturut-turut dalam kejohanan sukan Olimpik.

Dalam kesibukan menjalani latihan, beliau tidak lupa dengan tanggungjawab sosialnya apabila menyumbang 10 tablet bagi kegunaan pelajar kurang bernasib baik di Muar.

PEMENANG PERTANDINGAN MENCIPTA SLOGAN

Johan: "**Together We Stronger"**
Mohamad Hafizuddin Mohd Noor
Kolej Pendeta Za'Ba
Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi

Naib Johan: "**One Spirit One Goal"**
Chan Wan Hua
Kolej: Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah
Sekolah Pengurusan & Ekonomi

Ketiga: "**UPM: Be the One"**
Zafir Arfan Zawari
Kolej 14
Fakulti Pertanian

PENUNDAAN KEJOHANAN UTAMA UNIVERSITI PERINGKAT ANTARABANGSA 2021

20th ASEAN University Games (AUG) 2020
Tarikh: 18-27 Jun 2021
Tempat: Ubon Ratchathani, Thailand

Chengdu 2021 FISU World University Games (Universiade)
Tarikh: 24 Ogos-4 September 2022
Cadangan
Tempat: Chengdu, China

KERJA-KERJA BAIK PULIH BANGUNAN RUMAH PENGETUA DI BAWAH PENGURUSAN PUSAT SUKAN

Pusat Sukan sedang dalam proses untuk membaik pulih fasiliti bangunan rumah Pengetua yang telah diamanahkan oleh pihak pengurusan universiti. Kerja-kerja baik pulih mengecat dan pembersihan telah diadakan oleh staf-staf Pusat Sukan sendiri. Bangunan ini dijangka akan dapat beroperasi sebagai rumah tamu Pusat Sukan bermula Mei 2021.

Tahniah···

Dr. Hanafiah Ayub
Ketua Pusat Sukan UPM

atas pelantikan sebagai

Timbalan Presiden Persekutuan Besbol Malaysia

bagi sesi 2021/2022

UPM SERDANG ANGELS SERTAI MISI BANTUAN BANJIR KE PAHANG

Pasukan Ragbi *UPM Serdang Angels dan Ex-Angels Force Team* (SA-EAFT) telah mengadakan misi bantuan bagi membantu kerja-kerja pembersihan mangsa-mangsa banjir di sekitar kejiranan Benta Jaya, Kuala Lipis Pahang selama 3 hari 2 malam yang bermula pada 8 hingga 10 Januari 2021.

Sempena misi tersebut, pasukan SA-EAFT juga telah menyampaikan sumbangan berjumlah RM 6600.00 hasil daripada sumbangan atlet UPM Serdang Angels dan Ex Angels kepada keluarga Abdul Muiz hassan Basri yang merupakan Alumni UPM.